

Hati-hati 'jerat' globalisasi: Dr M

Syarikat gergasi hanya eksploitasi negara

Oleh Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia harus berhati-hati dalam soal globalisasi dan tidak menerimanya bulat-bulat.

"Kita sebenarnya tidak perlu pun pada globalisasi kerana sebelum ia diperkenalkan kita sudah pun berjaya.

"Satu-satunya sebab kenapa kita terpaksa menerima globalisasi ialah kerana negara kaya mengancam untuk 'menggunakan pasaran mereka menekan kita. Sebagai sebuah negara pasaran kita memerlukan pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap tama bertajuk 'Masa Lampau, Masa Kini dan Masa Depan - Cabaran Malaysia Dalam Landskap Global Yang Kompetitif' di Forum Kepimpinan Global 2005 di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, jelas sekali globalisasi adalah satu cabaran kerana ia sedang berlaku dan diberi tarif oleh negara kaya dan negara terbabit melihat banyak peluang ba-

gi diri mereka serta bagi syarikat gergasi mereka untuk mengeksploitasi negara seperti Malaysia.

Katanya, untuk kekal sebagai antara pesaing pada peringkat dunia, kerajaan harus melakukan apa yang terdaya bagi mengekalkan kestabilan negara dan mempunyai satu jentera pentadbiran yang baik.

"Pentadbiran (kerajaan sekarang) memang cekap tetapi ia boleh dibaiki lagi dan dalam usaha untuk mengekalkan daya saing Malaysia, jentera pentadbiran perlu dipertingkatkan.

"Kecekapan, kepantasan dan ketiadaan rasuah dapat menjamin satu kelebihan daya saing yang maksimum untuk sesebuah negara," katanya.

Beliau berkata, Malaysia perlu mengambil langkah memastikan ancaman menutup pasaran asing kepada barangan dan produk dari negara ini memberi kesan paling minimum terhadap negara ini.

Dr Mahathir berkata, pada hari ini 20 peratus daripada dagangan Malaysia adalah dengan Amerika Syarikat

"Kita perlu kurangkan peratusan

ini dengan menambah dagangan dengan negara yang memerlukan barangan kita seperti Asia Timur, Asia Tenggara dan India. Inilah kawasan yang akan berkembang pada masa depan," katanya.

Dalam tempoh yang singkat katanya, China dan India bukan saja akan menjadi kuasa ekonomi dunia dan pusat perindustrian dunia tetapi juga pasaran terbesar dunia.

"Negara perlu memilih satu bidang untuk cemerlang. Sediakan insentif dan infrastruktur, laksanakan dasar pendidikan yang menjurus ke arah mengendali industri baru dan seribu satu perkara lagi yang harus dilakukan supaya Malaysia tidak ketinggalan dalam dunia tanpa sempadan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia sedang berdepan dengan masalah sama dihadapi Eropah apabila industri berintensifkan tenaga buruh masing-masing menjadi tidak lagi kompetitif.

Beliau berkata, Malaysia juga perlu memberi tumpuan ke arah mengeluarkan satu kumpulan baru pekerja yang berkelayakan tinggi, dan ini hanya boleh dicapai jika



Berbanding dengan jiran dan China, kos buruh di Malaysia tidak lagi menjadi kelebihan dan untuk berdaya saing, ia perlu mengubah kepada industri lain"

*Tun Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri*

sistem pendidikan negara menyediakan kemahiran intelek baru dengan memberi tumpuan kepada Sains dan Matematik.

"Kita boleh dapatkan ilmu dan kemahiran jika kita bertekad untuk belajar. Sebilangan kecil mungkin perlu belajar secara menyeluruh tetapi buat sebahagian besar, apa yang perlu ialah menguasai bahagian tertentu saja yang relevan dengan kerja yang mereka lakukan," katanya.